

14 OCT 2003

OIC-Rangkuman/I

PERSIDANGAN AKAN GARIS PELAN PERKUKUHKAN OIC

Oleh: Shakir Husain

PUTRAJAYA, 14 Okt (Bernama) -- Deklarasi Putrajaya yang akan dikeluarkan pada penghujung Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di sini akan menggariskan pelan spesifik bagi pengukuhan pertubuhan itu.

Menteri-menteri luar OIC dalam mesyuarat selama dua hari yang berakhir hari ini telah menghasilkan cadangan-cadangan bagi mengatasi pelbagai kelemahan yang menghantui pertubuhan 57 negara anggota itu.

Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata deklarasi sidang kemuncak itu akan berbeza daripada pernyataan-pernyataan persidangan sebelum ini.

"Terdapat komitmen yang kukuh dan azam untuk memastikan kita tidak membuat rancangan-rancangan berlandaskan frasa yang indah dan menarik. Kita mahukan tindakan," katanya kepada sidang media selepas berakhirnya Mesyuarat Persediaan peringkat Menteri di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini hari ini.

Dokumen mesyuarat itu akan dikemukakan kepada Ketua-ketua Negara dan Kerajaan yang bermesyuarat Khamis dan Jumaat ini.

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Kofi Annan yang dijadual berucap pada Forum Perniagaan OIC esok, tidak akan menghadiri sidang kemuncak itu kerana terbabit dalam rundingan Majlis Keselamatan berhubung isu Iraq.

"Ini (menghadiri sidang kemuncak) akan membawa kesan positif bagi beliau, tetapi oleh kerana beliau mempunyai tugas lain, beliau meminta maaf kerana tidak dapat datang," kata Syed Hamid mengenai ketidakhadiran Annan pada sidang kemuncak itu.

OIC akan mengemukakan surat penghargaan kepada pengerusi sidang kemucak ke-10, Perdana Menteri Mahathir Mohamad atas sumbangannya dalam pembangunan umat Islam dan Malaysia.

Undian mengenai perkara itu yang dibentangkan oleh Sierra Leone diterima sebulat suara oleh negara-negara anggota.

Deklarasi Putrajaya akan menumpukan isu-isu seperti meningkatkan perdagangan dan pelaburan "intra-OIC", membangunkan sains dan teknologi, memperluaskan pendidikan dan membaharui struktur OIC.

Negara-negara anggota juga akan mengeluarkan kenyataan mengenai perlunya menjadikan OIC sebagai sebuah pertubuhan yang berwibawa dan bersepadu. Ia berpendapat sebagai wakil 1.3 bilion penduduk Islam, pentingnya pertubuhan itu masih belum diterima seperti yang sepatutnya dalam hal ehwal antarabangsa.

Menurut Menteri Luar Pakistan, Khurshid Mehmood Kasauri, cadangan negaranya untuk menubuhkan satu suruhanjaya yang dianggotai oleh tokoh-tokoh penting telah diluluskan pada mesyuarat peringkat menteri.

Suruhanjaya itu akan mencadangkan langkah-langkah menyuburkan semula pertubuhan itu dalam tempoh setahun supaya "pengaruh politiknya dapat dirasai di peringkat antarabangsa."

Sidang kemuncak itu juga akan mengeluarkan kenyataan-kenyataan berhubung Palestin, Syria, Lubnan dan Iraq.

Rakyat Palestin pula telah mendapat sokongan teguh OIC dalam menghadapi keganasan Israel.

Negara-negara anggota OIC juga telah sepakat menyuarakan perpaduan, ketika Syria diancam dengan serangan tentera Israel.

Bagaimanapun perbezaan pendapat masih wujud mengenai cara menangani isu

Iraq.

Turki telah meminta OIC menggerakkan tentera pengaman dalam usaha mewujudkan kestabilan di Iraq selepas perang. Bagaimanapun OIC mahukan tentera Amerika supaya meninggalkan bumi Iraq dan menyerahkan tugas utama membina semula Iraq kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Menteri Luar Bangladesh, M Morshed Khan berkata pemilihan setiausaha agung yang baru akan dibuat melalui rundingan.

Malaysia dan Bangladesh telah menyatakan hasrat untuk menamakan calon masing-masing bagi menggantikan Dr Abdelouahed Belkeziz yang akan melepaskan jawatan itu tahun depan.

"Saya boleh memberi jaminan bahawa tidak akan ada pertandingan bagi jawatan ini. Kami akan mencapai keputusan melalui rundingan," katanya selepas perjumpaan dengan Syed Hamid.

-- BERNAMA  
SKH AZZ MOZ